

Pembalakan tidak jejas rezeki Orang Asli

KUALA LUMPUR, Ahad — Kerajaan akan memastikan kegiatan pembalakan di Semenanjung tidak akan menjejaskan sumber pencarian masyarakat Orang Asli, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Selubungan itu, katanya, kerajaan negeri dan Menteri-Menteri Besar akan diminta supaya memastikan tidak berlaku pencerobohan oleh pengusaha balak di kawasan penempatan Orang Asli di negeri masing-masing.

Beliau berkata, kerajaan memandang berat kegiatan pencerobohan hutan di kawasan Orang Asli seperti yang dikemukakan oleh pemimpin masyarakat itu melalui Jabatan Hal-hwal Orang Asli (JHEOA).

"Walaupun di sesetengah kawasan kita tidak dapat mengelakkan pembalakan untuk tujuan pembangunan, kerajaan akan memastikan pengusaha balak turut memberi keuntungan kepada masyarakat Orang Asli di situ.

"Kerajaan tidak mempunyai niat untuk menganiayai Orang Asli, apalagi mereka sendiri adalah penduduk asal negara ini. Malah, sekarang amat sukar bagi membezakan orang Melayu dan Orang Asli," katanya sewaktu meraikan kira-kira 200 ketua dan pemimpin Orang Asli dari seluruh negara di Sri Perdana hari ini.

Perdana Menteri juga berkata, sebuah jawatankuasa khas ditubuhkan oleh Kementerian Dalam Negeri dengan dipengerusikan oleh Ketua Setiausahaanya bagi memberi perhatian khusus kepada setiap masalah Orang Asli.

Menurutnya, jawatankuasa yang ditubuhkan sebulan lalu itu turut dianggotai oleh empat wakil dari Persatuan Orang Asli dan wakil JHEOA. Bagaimanapun, penubuhan badan khas ini bukan bermakna fungsi jabatan itu diketepikan.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, jawatankuasa itu ditubuhkan khas untuk Orang Asli kerana mereka belum diwakili dalam bidang politik.

Bagi kaum pribumi lain termasuk suku Penan di Sarawak, katanya, sudah ada jawatankuasa khas di peringkat negeri bagi menjaga kepentingan dan kebajikan mereka, manakala kaum lain diwakili oleh pertubuhan politik.

Mengenai kekosongan satu kerusi di Dewan Negara yang diperuntukkan bagi Orang Asli berikutan tamatnya tempoh perkhidmatan Senator Hassan Nam, Perdana Menteri berkata kerajaan akan membuat perlantikan baru tidak lama lagi.

Dalam majlis itu, Perdana Menteri dihadiahkan dengan pelbagai buah tangan daripada ketua-ketua dan pemimpin pelbagai suku Orang Asli dari seluruh negara, termasuk empat ekor pelanduk. Mereka kemudiannya diraikan dalam satu jamuan sebelum dihadiahkan dengan cenderamata.

Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali pula menyumbangkan satu set televisyen dan perakam video kepada Hospital Orang Asli Gombak. Peralatan sumbangan Sony itu dihadiahkan atas nama Badan Kebajikan Isteri-Isteri Menteri (Bakti).